

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (SETEMPAT)

TARIKH: 18 DISEMBER 2017

MUKA SURAT: 69

Langkawi

Wujud lebih banyak 'Fire Post'

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bersedia mewujudkan lebih banyak 'Fire Post' (FP) di kawasan tumpuan ramai dan berisiko tinggi kebakaran di seluruh negara sebagai inisiatif untuk mengurangkan masa respons atau masa bomba tiba di lokasi kejadian.

Ketua Pengarah JBPM, Datuk Seri Wan Mohd Nor Ibrahim berkata, sehingga kini sebanyak enam FP pelbagai saiz dan bentuk mengikut kesesuaian sesuatu kawasan sudah bina di negara ini termasuk di Pantai Chenang, Langkawi.